

**Kami ada senarai siapa terlibat IS, kata Zahid**  
**Free Malaysia Today**  
**Okt 18, 2016**  
**Adam Abu Bakar**

**Menteri dalam negeri berkata kesiapsiagaan agensi keselamatan bukan saja di lapangan terbang, tetapi lorong tikus sekalipun**

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) mendedahkan ia mempunyai senarai nama suspek dan sesiapa yang terlibat dalam gerakan kumpulan militan IS, kata Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Menteri dalam negeri berkata pihaknya memberi jaminan bersedia untuk mengekang kemaraan kumpulan itu daripada masuk ke dalam negara.

“Kita bertukar-tukar maklumat dengan agensi antarabangsa dan kita mempunyai senarai suspek dan senarai sesiapa yang terlibat dengan IS.

“Dalam perkara ini, saya ingin berikan jaminan, kesiapsiagaan agensi bukan saja di lapangan terbang, tetapi lorong tikus sekalipun,” katanya ketika ditemui di Dewan Rakyat, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata Malaysia memantau rapat serangan tentera bersekutu diketuai Amerika Syarikat (AS) terhadap kubu kuat kumpulan militan IS di Mosul, Iraq.

Menteri pertahanan itu berkata ia susulan adanya kemungkinan anggota kumpulan militan itu pulang ke negara asal atau mencari perlindungan di negara tertentu susulan tindakan tersebut.

Zahid berkata pihaknya setakat ini menahan seramai 137 individu yang pulang ke tanah air atau mereka yang memberi pembiayaan untuk menyertai IS.

“Kita sentiasa lakukan penelitian dan risikan. Kita pasti apa yang kita lakukan adalah berdasarkan maklumat risikan yang diperolehi, bukan saja kenal pasti tetapi pembuktian,” katanya.

Media melaporkan Perdana Menteri Iraq Haider al-Abadi mengumumkan serangan tentera bersekutu diketuai AS bermula hari ini bagi menawan semula pusat pemerintahan IS di Mosul.

Zahid berkata setakat ini belum ada maklumat mengenai dakwaan Ketua Umno Bahagian Sungai Besar Datuk Jamal Md Yunos yang menuduh Bersih diresapi IS.

“Tidak ada maklumat,” katanya ringkas.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/18/kami-ada-senarai-siapa-terlibat-is-kata-zahid/>